

**FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)
PEMBERIAN INSENTIF (MORATORIUM / PENANGGUHAN BAYARAN BALIK)
SECARA *ONE-OFF* KEPADA PEMINJAM PINJAMAN PELAJARAN MARA
YANG TERKESAN AKIBAT PENULARAN WABAK COVID-19**

A. MAKLUMAT AM

1. **Soalan** : **Apakah yang dimaksudkan dengan Insentif Moratorium?**

Jawapan : Moratorium atau dikenali sebagai penangguhan bayaran balik pinjaman disediakan oleh MARA untuk kemudahan Pinjaman Pelajaran MARA dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan di Malaysia, kesan daripada penularan wabak COVID-19.

2. **Soalan** : **Bilakah insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini berkuatkuasa?**

Jawapan : Insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini adalah berkonsepkan *one-off* dan berkuatkuasa dalam tempoh **tiga (3) bulan** bermula daripada **01 April 2020 hingga 30 Jun 2020**.

3. **Soalan** : **Bolehkah insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini diberi selepas tempoh tersebut?**

Jawapan : Insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran adalah tertakluk kepada tempoh yang telah ditetapkan iaitu **tiga (3) bulan** bermula daripada **01 April 2020 hingga 30 Jun 2020**.

4. **Soalan** : **Bolehkah permohonan insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini dibuat selepas tempoh tersebut?**

Jawapan : Permohonan dibuka secara atas talian di Portal MARA melalui pautan **e-Moratorium** di sistem e-Baki MARA. Peminjam disyaratkan untuk membuat permohonan awal sebelum **30 Jun 2020** bagi menikmati insentif ini.

5. **Soalan** : **Siapakah yang layak untuk menerima dan memohon insentif penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini?**

Jawapan : Peminjam kemudahan Pinjaman Pelajaran dan Pinjaman Pendahuluan MARA layak untuk memohon penangguhan ini tertakluk kepada syarat / kriteria berikut:-

- i. Peminjam yang **tidak mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman pelajaran melebihi tiga (3) bulan** semasa tarikh permohonan; DAN
- ii. Terbukti menerima kesan langsung akibat wabak ini serta Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan oleh kerajaan ; DAN
- iii. Merupakan penerima kemudahan Pinjaman Pelajaran termasuk kemudahan Pinjaman Pendahuluan MARA tertakluk kepada perjanjian yang masih berkuatkuasa.

6. **Soalan** : **Jika saya seorang usahawan yang menjalankan perniagaan dan terkesan dengan fenomena yang berlaku, pada masa yang sama saya juga merupakan peminjam Pinjaman Pelajaran MARA, adakah saya layak untuk mendapat insentif ini?**

Jawapan : Peminjam layak untuk mendapatkan kemudahan ini tertakluk kepada syarat dan kriteria yang tertera di jawapan soalan kelima (ke-5). Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan sebagai bukti terkesan akibat wabak ini (contoh: perakaunan perniagaan, penyata bank, surat perubatan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan).

7. **Soalan** : **Adakah peminjam yang bertunggakan melebihi empat (4) bulan layak mendapatkan insentif penangguhan ini?**

Jawapan : Permohonan insentif penangguhan bayaran balik ini hanya dibuka kepada peminjam yang tidak mempunyai tunggakan atau yang mempunyai tunggakan bayaran balik tidak melebihi tiga (3) bulan. Sekiranya tunggakan melebihi tiga (3) bulan, peminjam perlu menyelesaikan bayaran tunggakan tersebut terlebih dahulu sebelum memohon insentif ini.

8. **Soalan** : **Sekiranya penularan wabak COVID-19 masih belum pulih sepenuhnya dan Kerajaan terpaksa memanjangkan tempoh arahan yang dikeluarkan, adakah insentif penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA ini akan diteruskan?**

Jawapan : Semakan ke atas polisi serta dasar MARA berhubung kemudahan yang disediakan kepada pihak yang terkesan dengan wabak COVID-19 ini akan diteliti berdasarkan peraturan yang ditetapkan daripada semasa ke semasa dan arahan Kerajaan selanjutnya. Sebarang makluman terkini akan dihebahkan melalui medium rasmi MARA.

9. **Soalan** : **Adakah tempoh bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA akan dilanjutkan hasil daripada kemudahan insentif penangguhan ini?**

Jawapan : Tempoh bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA yang telah diluluskan akan dilanjutkan melalui penstrukturan semula bayaran balik pinjaman.

10. **Soalan** : **Apakah manfaat yang akan diperolehi oleh peminjam?**

Jawapan : Peminjam akan menikmati insentif penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajaran MARA selama tiga (3) bulan dan dikecualikan daripada sebarang tindakan penguatkuasaan dan mahkamah.

11. **Soalan** : **Jika saya merupakan pelanggan MARA untuk pelbagai kemudahan dan mempunyai tiga (3) akaun dengan MARA iaitu, Pinjaman Pelajaran, Pinjaman Pendahuluan dan Pembiayaan Perniagaan MARA, adakah saya layak memohon insentif penangguhan bayaran balik untuk ketiga-tiga akaun tersebut?**

Jawapan : Peminjam yang mempunyai pelbagai (*multiple*) akaun dengan MARA layak untuk memohon insentif monatorium atau penangguhan bayaran balik Pinjaman Pelajaran termasuk Pinjaman Pendahuluan beserta Pembiayaan Perniagaan MARA secara serentak mengikut syarat dan ketetapan bagi kemudahan tersebut.

12. **Soalan** : **Jika saya telah mendapat kelulusan penangguhan bayaran balik daripada mana-mana institusi kewangan atau bank, adakah saya layak memohon kemudahan insentif ini daripada MARA?**

Jawapan : Peminjam layak memohon insentif yang disediakan oleh MARA berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam permohonan ini.

B. CARA / KAEDAH PERMOHONAN

1. **Soalan** : **Bagaimana kaedah permohonan penangguhan bayaran balik pinjaman pelajaran ini?**

Jawapan : Permohonan boleh dibuat secara atas talian sahaja iaitu di pautan ***e-Moratorium*** di sistem e-Baki MARA yang boleh diakses daripada portal rasmi MARA. Peminjam perlu memuat naik salinan dokumen-dokumen seperti berikut: -

- i. Surat pemberhentian kerja dari majikan sama ada secara paksa atau sukarela ; ATAU
- ii. Surat dari majikan untuk bercuti separuh gaji atau tanpa gaji ; ATAU
- iii. Surat pemeriksaan dari doktor sama ada telah menjalani ujian saringan COVID-19 dan memerlukan pemeriksaan lanjut di hospital atau dikuarantin; ATAU
- iv. Dokumen-dokumen sokongan lain yang membuktikan pemohon menerima kesan secara langsung disebabkan keadaan di atas; ATAU
- v. Surat dari pemohon sendiri yang menyatakan menerima kesan dan terjejas disebabkan keadaan di atas.

Nota : Dokumen-dokumen di atas tidak memerlukan pengesahan mana-mana pihak berkuasa.

2. **Soalan :** **Berapa lamakah tempoh memproses permohonan dan bagaimanakah cara untuk menyemak keputusan permohonan?**

Jawapan : Permohonan akan diproses dalam tempoh masa 14 hari bekerja bagi permohonan yang lengkap (mengemukakan bukti / dokumen sokongan dan menyempurnakan maklumat yang diperlukan). Permohonan yang tidak lengkap dan tidak menepati syarat kelayakan akan ditolak. Keputusan permohonan boleh disemak dalam sistem e-Baki MARA (surat keputusan boleh dicetak dan jadual semula bayaran balik akan dipaparkan).

C. LAIN-LAIN

1. **Soalan :** **Bagaimanakah cara untuk saya menghubungi MARA jika mempunyai sebarang pertanyaan lanjut berhubung permohonan insentif ini?**

Jawapan : Talian Rasmi MARA : MARA Call Center (MCC): 03–2613 2000

Talian Rasmi Bahagian Kawalan Kredit MARA :
03-261 32286 / 32131 / 32132 / 32133 /
32288 / 32399 / 32197 / 32143.